



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JKKP IS 127/438/3-93 (18)  
Tarikh : 19 September 2017

**Fakulti Keselamatan dan Kesihatan**  
Cyberjaya University College of Medical Sciences  
No. 3410, Jalan Teknorat 3,  
Cyber 4, 63000 Cyberjaya,  
Selangor

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN PUSAT PENGAJAR PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN BAGI PROGRAM DIPLOMA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

Adalah saya dengan segala hormatnya diarah untuk merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Menteri Kementerian Sumber Manusia telah bersetuju untuk mengiktiraf organisasi tuan sebagai Pusat Pengajar bagi Program Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mengikut peruntukan di bawah Peraturan 6(1)(d), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan) 1997. Selain itu juga pengiktirafan ini terlakuk kepada syarat-syarat berikut:

i. Semua kursus hendaklah hanya dijalankan di premis seperti di bawah:-

Alamat Premis
Cyberjaya University College of Medical Sciences No. 3410, Jalan Teknorat 3, Cyber 4, 63000 Cyberjaya, Selangor


- ii. Senarai tenaga pengajar dan subjek yang dibenarkan adalah seperti di Lampiran 1 dan Lampiran 2;
- iii. Semua program yang dijalankan hendaklah mengikut seperti mana program yang dikemukakan di dalam permohonan tuan serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini;
- iv. Pihak tuan dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan ini bagi setiap program yang akan dijalankan secara bertulis selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh program dijalankan;

- v. Pihak tuan hendaklah mengemukakan senarai nama lulusan program Diploma ke Jabatan ini selepas mereka menamatkan pengajian;
  - vi. Rekod program seperti senarai kehadiran, penilaian peserta oleh pengajar, maklumbalas program dan keputusan peperiksaan peserta hendaklah disimpan dan dikemukakan apabila diminta oleh Jabatan ini;
  - vii. Sebarang pertukaran atau penambahan tenaga pengajar, modul kursus dan premis program hendaklah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Jabatan ini;
  - viii. Pihak tuan juga dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh Jabatan ini dari semasa ke semasa;
  - ix. Mana-mana graduan yang telah menjalani program sejak 2014 turut diberikan pengiktirafan; dan
  - x. Sebelum pemegang Diploma boleh didaftarkan sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, pihak jabatan akan membuat penilaian yang bersesuaian ke atas mereka dan mempunyai pengalaman tidak kurang dari tiga tahun dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
3. Pengiktirafan ini sah **selama tiga (3) tahun** daripada tarikh surat ini. Pihak tuan adalah dikehendaki mengemukakan permohonan lanjutan kepada Jabatan ini **tiga (3) bulan** sebelum tarikh sah tamat.
4. Pengiktirafan ini akan terbatal dengan sendirinya jika terdapat mana-mana syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan, tidak dipatuhi atau ianya boleh ditarik balik pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebarang sebab.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



(DATO' Ir MOHTAR BIN MUSRI)  
Ketua Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Malaysia.



1. Fail JKKP IS 127/438/3-93
2. Fail Timbul